



PEMANTAUAN DAN BIMBINGAN PIS25

YTP telah menganjurkan Kursus Program Islah Sekolah PIS2025 selama tiga siri iaitu Menerajui Kepimpinan (Fokus kepada PGB & GPK1) untuk 2 siri dan Menerajui Pembelajaran (Fokus Guru) 17-19 Ogos 2021. Susulan daripada kursus-kursus ini pihak YTP telah mengadakan pemantauan dan bimbingan Program Islah Sekolah 2025 (PIS25) kepada 17 buah sekolah SERI dan SEMI ABIM seluruh Malaysia bermula 11 Januari hingga 30 Mac 2022 yang lalu.

Delegasi pemantauan dan bimbingan ini diketuai oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos (Ketua Pengarah, YTP), Dr. Abd. Khahar b. Saprani (Pengarah Teknologi Pendidikan & Sumber Pembelajaran Digital), Tn. Hj. Mohd. Khailani b. Abd Jalil (Timb. Ketua Pengarah/Pengarah Sekolah), Tn. Hj Mohamad b Abu Daud (Pengarah Akademik dan R&D), Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman (Pengarah Latihan & Modal Insan), Tn. Hj. Samian b. Mohd Ali (Pengarah Pentadbiran & Kewangan), dan Tn. Hj. Ishak b Ali Shah (Pengarah TASKI).

Bagi mengatasi masalah keciciran dalam kalangan murid dan memperkasakan program pendidikan pasca COVID-19 sekolah telah disarankan untuk melaksanakan program intervensi bagi membantu memperkasa pelaksanaan program pendidikan jamaah melalui penataran pendidikan al-Hikmah Program Islah Sekolah, pemerksaan kaderisasi, re-skilling digital dan lain-lain lagi diketika pandemik COVID-19 sedang memuncak. Justeru itu YTP mengambil langkah melaksanakan program pemantauan intervensi bersepada yang dilaksanakan ke semua sekolah bagi mengenal pasti isu-isu pelaksanaan inisiatif baru dan memberikan sokongan serta bimbingan untuk pelaksanaan yang lebih berkesan. Dapatkan pemantauan ini diharapkan dapat dijadikan *baseline* bagi merancang inisiatif intervensi yang selanjutnya. Matlamat pemantauan dan bimbingan ini adalah:

- Untuk memastikan sekolah melaksanakan program intervensi yang berkesan bagi mengurangkan tahap keciciran dalam kalangan murid
- Memastikan sekolah membuat perancangan yang teratur bagi melaksanakan program Program Islah Sekolah dan penataran pendidikan al-hikmah.
- Memastikan kepimpinan instruksional dan pengurusan sekolah berjalan mengikut polisi dan standard yang telah ditetapkan.
- Mengenalpasti isu-isu kurikulum, kokurikulum dan perjalanan pdp melalui learning walk.
- Bimbingan ini bertujuan untuk:
 - a. Meningkatkan penguasaan pelajar terhadap kandungan kurikulum dan 3M
 - b. Mengenalpasti tahap keciciran dan kesediaan pelajar terhadap pdp
 - c. Mengenalpasti pelaksanaan program intervensi
 - d. Membimbangkan pelaksanaan program PIS
 - e. Memberdaya kapasiti pengurusan sekolah & kualiti pengajaran guru.
 - f. Mengenalpasti penataran pendidikan al-Hikmah dan kaderisasi.

Bimbingan dan pemantauan telah diadakan pada 11 Januari 2022;SERI & SEMI Sg. Ramal, 12 Januari; SERI & SEMI Seremban, 19 Januari; SERI DU;AT, 25 Januari; SERI Indera Mahkota, Kuantan, 26 Januari; SERI Al-Huda, Gombak, 7 Februari; SERI Al-Ummah Manjung, 8 Februari; Al-Ummah Taiping, 14 Februari; SERI Al-Maarif, Sg. Petani, 15 Februari; Madrasah Uthmaniah, Pulau Pinang, 17 Februari; SERI Al-Hikmah, Kelantan, 23 Mac SERI Nilai Cawangan Seremban, 24 Mac; SERI/SEMI Johor, 28 Mac; SERI Ad-Diniah, 29 Mac; SEMI Ad-Diniah, Pulau Pinang dan 30 Mac 2022; SERI Alor Setar dan Sekolah Men. Sains Tahfiz (SEMESTI), Alor Setar, Kedah.

Sesi taklimat kepada pihak pentadbir sekolah iaitu Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua/guru besar, GPK Kurikulum dan wakil Pengurus YTPN Negeri/Ahli Lembaga Pengarah Sekolah diadakan pada awal sesi. Manakala sesi ke dua bersama Ketua Panitia. Jelajah pembelajaran kelas ke kelas (Learning walk) menggunakan instrumen yang telah disediakan, semakan fail dan dokumen telah dijalankan.

Hasil pemantauan ke 16 buah sekolah didapati melalui Learning Walk ke kelas-kelas, pengajaran dan pembelajaran sebahagiannya masih naratif lama dan pengurusan bilik darjah harus diperkasakan mengikut spesifikasi PAK 21 (*student base Learning*), OPP, Kriteria Kejayaan, Parking Lot, sudut bacaan (sisipan nilai), sudut subjek (menzahirkan kreativiti murid & merangsangkan minda pelajar). Data keciciran murid seperti penguasaan 3M (Tahap 1), Khatam Al-Quran (Tahun 3), Hafazan Al-Quran, usrah, solat, kehadiran ke sekolah, yuran,

bersambung ke mukasurat 2



KEHADIRAN SECARA BERSEMUKA TANPA PENGGILIRAN

Pada 9 April 2022 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Kenyataan media mengenai KEHADIRAN SECARA BERSEMUKA TANPA PENGGILIRAN BAGI SEMUA MURID SEKOLAH RENDAH. Kehadiran sekolah secara bersemuka tanpa penggiliran ini dilaksanakan di semua sekolah Kerajaan dan swasta termasuk sekolah ekspatriat dan sekolah antarabangsa. Bagi sekolah-sekolah dalam Kumpulan A (mula bersekolah hari Ahad) mula dilaksanakan pada 17 April 2022 dan Kumpulan B (mula bersekolah hari Isnin) ialah pada 18 April 2022.

Menurut pihak KPM keputusan tersebut diambil setelah mengambil kira kelancaran pengoperasian sekolah rendah secara bersemuka bermula pada 21 Mac 2022 dan pengoperasian sekolah menengah secara besemuka tanpa penggiliran bermula pada 4 April 2022.

Dengan terlaksananya belajar secara bersemuka tanpa penggiliran, ini menunjukkan wabak Covid-19 telah beransur berkurangan dan kalau ada pun kesanya tidak begitu serius berbanding sebagaimana tahun 2020- 2021 yang mana jumlah kematian akibat wabak ini adalah terlalu banyak.

Kita bersyukur kepada Allah SWT kerana telah mengurangkan kesan wabak Covid-19 ini di mana sekolah-sekolah mulai dibuka semula dan berjalan sepertimana biasa sebelum wabak Covid-19 menular ke negara kita. Kita lihat kini aktiviti ekonomi dan sosial telah kembali pulih walaupun tidak sepenuhnya. Walaubagaimana pun rakyat Malaysia hendaklah patuh kepada arahan pihak Kerajaan mengenai SOP dan peraturan yang ditetapkan dari semasa ke semasa. Ini bagi memastikan wabak Covid-19 di negara kita dapat di atasi sepenuhnya.

Hj. Samian Mohd Ali

Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), kecemerlangan akademik, program ko-kurikulum, kelab dan persatuan dan lain-lain perlu diadakan pelan intervensi yang berkesan agar mencapai piawaian YTP. Inisiatif keberhasilan pelajar dalam aspek kemahiran dan kepimpinan perlu dipertingkatkan dalam melahirkan da'ei muda seperti Kuliah 5 minit (Kulim), syarah, pidato, mu'azin, imam muda, budaya membaca quran dan zikir, memasak, menjahit, berinovasi, kemahiran ICT dan lain-lain lagi. Manakala aspek keunggulan sekolah atau 'wow factor' perlu ditonjolkan semula agar SERI dan SEMI ABIM menjadi model pendidikan Al-Hikmah yang disegani.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

TRAINNING OF TRAINERS(TOT) RAKAN PEMBIMBING INSTRUKTIONAL (RaPI) PROGRAM ISLAH SEKOLAH (PIS) 2025

Yayasan Takmir Pendidikan telah mengadakan bengkel Training of Trainers (ToT) Rakan Pembimbng Instruktional (RaPI) Program Islah Sekolah (PIS) 2025 Siri 1 pada 12-13 April 2022. Bengkel ini diadakan secara maya yang dihadiri 37 peserta di kalangan Guru Penolong Kanan Kurikulum dan wakil seorang Ketua Panitia (Akademik/Dini) SERI dan SEMI ABIM seluruh Malaysia.

Program ini bertujuan untuk memberi latihan dan kemahiran kepimpinan, memahami dan menguasai kandungan 8 modul dan melaksanakannya di sekolah. Sebahagian besar peserta telah menyertai kursus PIS2025 selama tiga siri berkaitan menerajui kepimpinan dan menerajui pembelajaran. Tn. Hj. Mohd. Musleh Yunos, Ketua Pengarah, YTP telah memberi overview Modul Kepimpinan yang mempunyai enam modul manakala Dr. Abd. Khahar b Saprani, Pengarah Teknologi Maklumat & Pembelajaran Digital memberi over view 8 modul pembelajaran guru. Manakala semua peserta mewakili kumpulan sekolah membentang satu modul daripada modul-modul Menerajui Pembelajaran. Tn. Hj. Mohd. Khailani Abd. Jalil, Tn. Hj. Mohamad Abu Daud, Dr. Abd. Khahar Saprani dan Tn. Hj. Ishak Ali Shah menjadi fasilitator. Peserta kursus diberi sijil penyertaan ToT Siri 1 di mana skor post test dan pembentangan modul diberi penilaian. Para ahli RaPI berperanan selepas selesai menjalani latihan:

- Merancang strategi & membaiki amalan pedagogi
- Menyediakan modul latihan amalan pedagogi
- Bina instrument & memantau amalan pedagogi
- Membantu Program Intervensi Sekolah (PIST)
- Mengadakan perbincangan berterusan bersama Rakan Program Islah Sekolah (RPIS)
- Membantu guru sekolah untuk meningkatkan keterampilan pengajaran (teaching repertoire)
- Menjadi coach kepada guru menggunakan Model GROW
- Melaksanakan LDP mengikut keperluan kursus / bengkel dengan kepakaran juru latih
- Menjalankan kajian berkaitan pedagogi

Program ToT RaPI Siri 2 akan diadakan secara bersemuka untuk melatih dan membimbing para ahli RaPI dengan lebih berkesan dan memastikan program PIS ini dapat dilaksanakan di sekolah supaya misi PIS kemenjadian pelajar dan kualiti guru dapat ditingkatkan.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

MUTIARA HIKMAH

"Kekayaan bukanlah dengan banyaknya harta, namun kekayaan adalah hati yang selalu merasa cukup."

KURSUS ASAS PERGURUAN (KAP) AL-HIKMAH DAN INDUKSI TATA JEMAAAH, YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN

Yayasan Takmir Pendidikan telah menganjurkan Kursus Asas Perguruan (KAP) Al-Hikmah dan Kursus Induksi Tata Jemaah dengan jayanya pada 8 - 10 Mac 2022. Kursus ini merupakan Kumpulan ke dua (Siri 1) diadakan secara maya selama tiga hari. Manakala para pensyarah memberikan kuliah melalui studio Yayasan Takmir Pendidikan.



Jumlah peserta kursus bagi kumpulan kedua ini sebanyak 140 orang peserta yang terdiri daripada 66 orang dari SERI, 19 orang dari SEMI, 17 orang dari TAHFIZ dan 39 orang dari TASKI. Kursus dimulakan dengan kata aluan dan sesi taklimat oleh Pn. Hjh. Nur Jannah bt Keman selaku Pengarah Latihan dan Modal Insan merangkap Pengarah Program.



Kursus Induksi dimulakan dengan tajuk "Memugar Jiwa Pendidik dan Mengenali Tokoh ABIM/ Wadah/Global" oleh Tn. Hj. Mohd. Khailani b. Abd Jalil (Timb. Ketua Pengarah). Manakala "Polisi & Tatakerja Guru/Staf" disampaikan oleh Tn. Hj. Samian b. Ali (Pengarah Pentadbiran & Kewangan) dan slot terakhir "Sejarah ABIM, Yayasan Takmir Pendidikan dan Pusat Pendidikan ABIM" oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Musleh (Ketua Pengarah). Beliau memperkenalkan beberapa tokoh Presiden ABIM seperti Dato' Seri Anwar Ibrahim, Dato' Siddiq Fadhil, Dr. Mohd Nor Manut, Dato' Ahmad Azam dan lain-lain lagi. Beliau juga menegaskan agar semua peserta dapat melibatkan diri dengan aktiviti jamaah dengan mendaftar menjadi ahli ABIM dan menyertai program usrah institusi jemaah seperti Usrah yang diadakan dua minggu sekali dan usrah daerah.

Manakala pengisian KAP AH dimulai dengan subjek Falsafah Pendidikan & Nilai Hikmah yang merangkumi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah Pendidikan Islam & ABIM dan Falsafah Pendidikan Al Hikmah dan topik Pembelajaran Bermakna (Deep Learning) disampaikan oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Yunos. Bagi subjek Pengurusan Bilik Darjah disampaikan oleh Tn. Hj. Mohamad b Abu Daud (Pengarah Akademik) dan Pedagogi (PAK21) oleh Dr Abdul Khahar b. Saprani (Pengarah Teknologi Pendidikan & Sumber Pembelajaran Digital). Tajuk Kurikulum (DSKP/KSPK) diadakan secara berasingan SERI/SEMI/Tahfiz dan TASKI dengan pautan berbeza. Topik Kurikulum SERI/SEMI/Tahfiz dikendalikan oleh Tn. Hj. Mohamad b Abu Daud manakala Kurikulum Standard Pra Sekolah (KSPK) oleh Tn. Hj. Ishak b Ali Shah (Pengarah TASKI). Slot terakhir iaitu Etika Guru Unggul oleh Tn. Hj. Mohd. Khailani yang menjelaskan tentang etika, kod etika perguruan, etika ibu bapa di sekolah dan 5 aspirasi sistem murid. Perasmian Penutup disempurnakan oleh Tn. Hj. Mohd. Musleh selaku Ketua Pengarah YTP.

Laporan : Hjh. Nur Jannah Keman

PEMANTAUAN DAN BIMBINGAN PROGRAM ISLAH SEKOLAH (PIS) DAN INTERVENSI

Bermula Januari hingga pertengahan Mac, YTP melaksanakan program pemantauan dan bimbingan serentak bagi dua program besar. Pemantauan melibatkan semua pengarah mengikut penggiliran bagi tujuan memastikan;

1. Sekolah telah memulakan program PIS, khususnya penataran diperingkat guru, penyediakan JK pelaksana, pelan tindakan dan fail laporan pelaksanaan program.
 - 50% sekolah sudah bersedia untuk melaksanakan islah pendidikan termasuk transformasi bilik darjah.
 - 40% sekolah telah merancang untuk mengadakan program penataran kepada guru dan jawatan kuasa pelaksana. Persediaan awal termasuk system fail sudah sediakan
 - Terdapat juga sekolah yang belum memberi keutamaan kepada pelaksanaan PIS kerana menyelesaikan perkara asas lain termasuk pembangunan.
2. Bagi program intervensi sepanjang tempoh pelanjutan sesi persekolahan penggal tiga bermula Januari hingga Mac 2022;
 - 70 peratus sekolah melaksanakan secara terancang melibatkan j/kuasa guru dengan jadual tersusun. Terdapat sekolah yang melaksanakan dengan melibatkan ibu bapa baik dalam pelaksanaan, penghakiman dan laporan laman WEB dengan komentar ibu bapa.
 - Manakala 30 peratus melaksanakan intervensi secara penyerapan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.
 - Modul cadangan dari YTP dilaporkan sangat membantu sekolah untuk melaksanakan program pemulihan, merangsang motivasi dan mengembalikan mood belajar kepada pelajar dalam sesi persekolahan bersemuka.

Laporan : Hj. Khailani Ab. Jalil

IHTIFAL PERINGKAT SEKOLAH SERI AL UMMAH TAIPING DAN MAJLIS GRADUASI PELAJAR TAHUN 6



22 dan 23 haribulan Februari yang lalu telah berlangsungnya Majlis Ihtifal peringkat sekolah SERI AL Ummah Taiping bersama Majlis Graduasi Pelajar Tahun 6 untuk sesi 2021/2022. Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Haji Abdul Hamid b Ali selaku Guru Besar Seri Al Ummah Taiping. Walaupun majlis hanya dihadiri oleh murid-murid dan guru-guru sahaja, majlis dapat dijalankan dengan penuh kemeriah dan keceriaan dengan persembahan oleh wakil murid dari setiap tahun. Tahniah dan syabas kepada murid yang telah menerima anugerah serta selamat maju jaya bagi murid murid tahun 6 yang akan melangkah ke tingkatan 1

PELAJAR SERI AD DINIAH MENANG TEMPAT PERTAMA TAEKWANDO

Pelajar tahun 4 Sekolah Rendah Islam Ad Diniah, Nurul Auni Binti Zuwairi mewakili kelab taekwondo MTF AD DINIAH dalam acara persempahan pattern Bushido Open World Championship Ronin 2022 secara atas talian yang bertempat di Poland berjaya memenangi tempat pertama bagi kategori 10-12 tahun.

Pihak sekolah merakamkan ribuan tahniah buat anakda Nurul Auni, semoga terus berjaya dimasa hadapan dan menjadi inspirasi buat rakan-rakan yang lain.

Terima kasih juga kepada jurulatih dan ibu bapa kepada Nurul Auni yang sentiasa memberi ruang dan peluang serta tunjuk ajar buat anakda Auni.

#GaleriKokuSERIAD



HAJJAH JAU ZAHARAH MENERIMA CENDERAHATI PENGHARGAAN



DIALAH pelopor, dialah pengasas, dialah perintis, dialah yang membuka, dialah yang mengerak, dialah yang mula mengajar, dialah guru, dialah pembantu, dialah pentadbir, dialah yang mula mendidik anak2 taski, dialah yang membina jati diri guru2 awal, dialah pencetus Taski ABIM pertama di negeri Pulau Pinang di era 80an, dialah bonda kami Hajjah Jau Zaharah binti Haji Shaari, semua kekuatan itu datang dariNya yang maha berkuasa Allah robbul jalil, semoga Allah memberkati bonda kami, terus berbakti memberi nasihat kepada generasi ke generasi yang silih berganti selagi nyawa dikandung badan, Semoga bonda diberi kesihatan yang baik terus beribadah kepadaNya.

Puan Hajjah Jau Zaharah Bt. Shaari PENASIHAT TASKI ABIM PULAU PINANG dari tahun 1983 sehingga sekarang. Beliau menerima cenderahati penghargaan dari Timbalan Ketua Menteri 1 Pulau Pinang, YB. Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin bin Abdur Rahman, di irangi oleh Pengurus Yayasan Takmir Pendidikan Negeri, Ustaz Haji Mahamad Aziz, CEO Ad Diniah Tn.Haji Mustafa serta Guru Besar Taski/Seri Ad Diniah Ustaz Muttaqueen Mustafa.

Sidang Redaksi

Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman
Suhaili Husin
Khairani Thanin
Mohd Naim Mohd Nor
Che Abd Fatah Che M. Nor
Syahirah Zamasy
Norhasikin Ismail
Susunatur Grafik
Khairul Anuar M. Ariffin

Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan
No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,
43650 Bandar Baru Bangi
Emel:
yayasantakmir@gmail.com
Tel: 03-89265853 / 03-89202308
Fax: 03-89201788

Laporan : Muttaqueen SERI Ad Diniah

AKTIVITI TASKI



Sejak pandemik covid19 melanda, takwim Pendidikan juga telah berubah. Sesi persekolahan 2022 yang berakhir pada bulan Februari telah diakhiri dengan sambutan Hari Graduasi bagi setiap TASKI.

TASKI telah mengamalkan SOP seperti yang telah diarahkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sepanjang majlis berlangsung. Di sini dapat dikongsikan beberapa sisipan gambar sepanjang program berlangsung.

Laporan : Norhasikin Ismail



TASKI KHALIFAH BESTARI PUCHONG



TASKI ABIM TUARAN, SABAH



TASKI AL HIDAYAH MUAR



TASKI BESUT TERENGGANU



TASKI KHALIFAH BESTARI PUCHONG



TASKI AL HIDAYAH MUAR



TASKI BESTARI INAYAH SHAH ALAM

MESYUARAT PENGURUSAN RUTIN TASKI

Pada 31 Mac yang lepas, YTP TASKI telah menjemput beberapa orang penyelia dari kawasan terdekat untuk membincangkan beberapa isu pengurusan TASKI. YTP TASKI bermatlamat untuk menyelaraskan semua TASKI seluruh Malaysia di bawah pengurusan YTP dan mempunyai sistem pentadbiran yang sistematik.

Laporan : Norhasikin Ismail



JASAMU DIKENANG



Kata orang, orang hebat bisa melahirkan beberapa karya bermutu, tetapi guru bermutu bisa melahirkan ribuan orang hebat. Demikianlah dapat kita ungkapkan kepada Puan Zawiah bt Yusof @Jaafar dan Puan Safiah binti Sulaiman yang merupakan Guru TASKI ABIM. Mereka telah menamatkan perkhidmatan pada tahun ini, 2022.

Puan Zawiah bt Yusof@ Jaafar telah berkhidmat selama 38 tahun di TASKI ABIM. Mula mengajar di TASKI At Tarbiah dari tahun 1984 hingga 1988. Kemudian TASKI Padang Tok La dari 1994 – 1995 dan menyambung mencurahkan ilmu di TASKI Pondok Haji Omar dari 1996 – Februari 2022.

Puan Safiah bt Sulaiman pula telah mengajar selama 23 tahun. Beliau mengajar dari tahun 1999 - 2003 di TASKI ABIM Saidatina Maimunah Taman Sekamat, Kajang. Kemudian dari tahun 2003- 2004 Puan Safiah mengajar di TASKI ABIM Husna Cheras. Selepas itu, TASKI ABIM Bestari dari tahun 2004 hingga 2010. Sebelum menamatkan perkhidmatan, beliau mengajar di TASKI ABIM Saidatina Maimunah Taman Sekamat, Kajang sehingga bersara pada Februari 2022. Kami warga TASKI ABIM mendoakan kesejahteraan Puan Zawiah dan Puan Safiah dan semoga berada di dalam rahmat Allah sentiasa.

Laporan : Norhasikin Ismail

BENGKEL RANCANGAN MINGGUAN TASKI

Pada 30 Mac yang lalu, seramai 18 orang penyelia dan guru terpilih telah menyertai Bengkel Rancangan Mingguan (RM) TASKI. Bengkel ini adalah kesinambungan daripada bengkel secara maya yang bermula dari November 2021. Rancangan Mingguan ini lengkap dengan tema mingguan untuk setahun dan nilai Al Hikmah dan bertujuan untuk membantu guru-guru TASKI ABIM dalam RPH. Semoga segala ilmu dan hasil penat lelah para ahli panel dapat membantu guru -guru TASKI ABIM pada masa akan datang.

Laporan : Norhasikin Ismail



PEMANTAUAN & BIMBINGAN PROGRAM ISLAH SEKOLAH

SERI Al-Huda Gombak (22 Januari 2022)



DUAT, Selangor (19 Januari 2022)



SERI Indera Mahkota, Pahang (25 Januari 2022)



PEMANTAUAN & BIMBINGAN PROGRAM ISLAH SEKOLAH

SERI Al-Maarif Sg Petani, Kedah (14 Feb 2022)



SERI Al-Hikmah, Kelantan (17 Feb 2022)



Madrasah Uthmaniah, Pulau Pinang (15 Feb 2022)



PENGURUSAN KEWANGAN SEKOLAH

(Siri 2)

1. PROSES PENGURUSAN KEWANGAN

Proses pengurusan kewangan mempunyai 4 peringkat:

- a. Penyediaan polisi kewangan
- b. Penyediaan bajet dan kawalan
- c. Peringkat urusniaga
- d. Penyediaan laporan kewangan.

2. POLISI KEWANGAN

Bagi memastikan pengurusan kewangan dapat dijalankan dengan teratur dan sistematik, sesebuah organisasi yang melibatkan pengurusan kewangan hendaklah mempunyai Polisi Kewangan sendiri. Polisi ini adalah bertujuan memberi garis panduan kepada mereka yang diberi tanggungjawab untuk menguruskan hal ehwal kewangan supaya pengurusan kewangan dilaksanakan dengan betul mematuhi amalan pengurusan kewangan yang standard. Dalam hubungan ini, pihak YTP telah menyediakan Polisi Kewangan kepada semua sekolah di bawah YTP untuk diguna pakai dalam pengurusan kewangan di sekolah masing-masing.

3. BAJET DAN KAWALAN

- a. Bajet adalah perancangan kewangan sesebuah organisasi dari peringkat mendapatkan sumber wang hingga ke peringkat bagaimana wang tersebut digunakan secara berkesan bagi mencapai matlamat organisasi. Perancangan kewangan ini adalah berdasarkan perancangan sekolah iaitu program atau projek yang akan dilaksanakan oleh sekolah. Perancangan yang dibuat dalam bentuk jangka pendek atau jangka panjang. Perancangan jangka pendek ialah dalam tempoh satu tahun manakala perancangan jangka panjang melebihi satu tahun. Bagi melaksanakan perancangan tersebut sudah tentu memerlukan bajet. Tanpa bajet yang sempurna agak sukar untuk menentukan berapa banyak wang digunakan dan bagaimana untuk mendapatkan wang bagi membiayai kos yang terlibat. Oleh itu dalam melaksanakan sesuatu projek atau program hendaklah seiring dengan bajet yang telah diperuntukkan. Pengurusan kewangan hendaklah memastikan sebelum sesuatu perbelanjaan dilaksanakan hendaklah mempunyai peruntukan yang mencukupi di dalam bajet. Pegawai kewangan juga hendaklah membuat kawalan supaya tidak berlaku perbelanjaan yang melebihi bajet. Sekiranya berlaku lebihan belanja sudah tentu boleh menjelaskan peruntukan item perbelanjaan yang lain.
- b. Dalam pengurusan bajet di antara perkara yang penting hendaklah memastikan sumber yang sangat terhad dirancang dan diagih secara teratur mengikut kepentingan operasi sekolah. Umpamanya perbelanjaan untuk gaji dan emolumen perlu didahulukan daripada perbelanjaan untuk mengadakan jamuan tahunan. Selain itu sumber pendapatan sekolah terutamanya yuran pelajar hendaklah dikutip seboleh-bolehnya mencapai 100%. Ini bagi memastikan sekolah mempunyai wang yang cukup untuk berbelanja mengikut perancangan tahunan yang telah ditentukan lebih awal lagi.
- c. Pengurusan bajet meliputi peringkat penyediaan, pengagihan dan pindah peruntukan, kawalan serta pemantauan perbelanjaan hingga kepada pelaporan mengenai pencapaiananya.
- d. Setelah penyediaan bajet ini disempurnakan, pihak pengurusan sekolah perlulah membentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengelola Sekolah(LPS) untuk mendapatkan perakuan dan kelulusan LPS tentang



bajet dan perbelanjaan yang akan dilaksanakan. Pembentangan bajet ini hendaklah dibuat lebih awal iaitu sebelum bermulanya tahun baharu. Contohnya bajet untuk tahun 2023 hendaklah dibentangkan selewat-lewatnya dalam bulan Disember 2022.

4. PERINGKAT URUSNIAGA.

- a. Setelah bajet tahunan diluluskan oleh LPS, pihak pengurusan sekolah boleh berbelanja mengikut peruntukan yang terkandung dalam bajet berkenaan. Di sinilah urusniaga bermula yang mana sama ada urusniaga yang berbentuk pendapatan sekolah seperti kutipan yuran pelajar dan pendapatan daripada pelbagai aktiviti. Begitu juga urusniaga yang berbentuk perbelanjaan seperti penggajian dan emolumen, aktiviti pelajar, penyelengaraan sekolah dan sebagainya.
- b. Apa yang paling penting ialah setiap urusniaga berkenaan hendaklah direkodkan mengikut sistem perakaunan yang betul. Dalam hal ini seseorang yang diberi tanggungjawab untuk merekod setiap urusniaga perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran mengenai perakaunan. Untuk merekod setiap urusniaga boleh dibuat secara manual atau menggunakan sistem perakaunan berkomputer. Pada era ini pakej sistem perakaunan berkomputer telah banyak dijual di pasaran bagi memudahkan merekod semua urusniaga dan penyediaan laporan kewangan.

5. PENYEDIAAN LAPORAN KEWANGAN.

- a. Penyediaan laporan kewangan biasanya dibuat setiap bulan, untuk memantau prestasi kewangan dari segi pendapatan dan perbelanjaan semasa, di samping dapat menilai kedudukan kewangan sama ada kukuh atau sebaliknya. Laporan kewangan bulanan ini hendaklah dibentangkan dalam mesyuarat bulanan LPS untuk memaklumkan mengenai perkembangan dan prestasi serta kedudukan kewangan sekolah. Di samping itu sekiranya terdapat pemasalahan seperti kutipan yuran yang sangat rendah, perbelanjaan di luar jangka boleh dibincangkan untuk mencari jalan bagi mengatasinya. Begitu juga mengenai jumlah yang terhutang oleh pelajar(penghutang) atau jumlah hutang sekolah kepada pihak luar(pemutang). Maklumat-maklumat tersebut diperlukan bagi pengurusan sekolah dalam membuat keputusan-keputusan penting yang melibatkan kewangan.
- b. Selain menyediakan laporan bulanan sekolah, laporan kewangan tahunan sekolah adalah sangat penting untuk disediakan. Dalam laporan kewangan berkenaan sekurang-kurangnya memgandungi (i) Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan (ii) Penyata Kedudukan Kewangan. Laporan ini hendaklah dibentangkan kepada LPS setelah akaun-akaun yang telah disediakan disemak dan disahkan oleh juruaudit berauliah. Penyemakan oleh juruaudit berauliah ini penting bagi memastikan setiap urusniaga atau transaksi mematuhi sistem perakaunan yang standard. Selain itu sekiranya berlaku penyelewangan dalam pengurusan kewangan, ianya dapat dikesan lebih awal dan tindakan sewajarnya boleh diambil.

Oleh Hj. Samian Mohd Ali
Pengarah Pengurusan & Kewangan



"Hidup memerlukan pengorbanan. Pengorbanan memerlukan perjuangan. Perjuangan memerlukan ketabahan. Ketabahan memerlukan keyakinan. Keyakinan pula menentukan kejayaan. Kejayaan pula akan menentukan kebahagiaan."

MENGENALI INSTITUSI PENDIDIKAN YTP TASKI/SRI AL-FIRDAUS, KLANG



TASKI ini telah dibuka dengan nama TASKI Darul Firdaus pada awal tahun 1985 di bawah pentadbiran Biro Pendidikan ABIM Klang di Markas ABIM Klang, Lot 1872, Batu 7, Jalan Meru. Pada akhir tahun 1997 ia telah berpindah ke bangunan baru iaitu di Pusat Pendidikan ABIM Klang, Mukim Kapar. Bermula pada 1 Disember 1998 pengurusan TASKI ini telah diserahkan kepada syarikat UMMATAN TASKI & TAHFIZ SDN. BHD. Dan Namanya telah ditukar kepada TASKI Al Firdaus Klang (Meru). Pada 14 Disember 1999, Syarikat Al Firdaus Learning Centre Sdn. Bhd. telah mengambil alih untuk menguruskan TASKI ini.

Bangunan ini adalah milik (ABIM Daerah Klang) sendiri. Bangunan ini dinamakan Pusat Pendidikan ABIM Klang (PPAK). Ia disiapkan secara berperingkat. Tanah telah diwakafkan oleh Pn. Hjh. Nga'esah Hasbullah seluas 1½ ekar pada 8 Disember 1993. Secara sah tukar milik pada 9 Oktober 1996 kepada satu badan pemegang amanah yang diwakili oleh Ustaz Md. Sahari Abdullah, Allahyarham Mohamed Muslimin Hj. Yaakop dan Mohd Bakir Abd Wahab.

